

Peguam Negara digesa beri penjelasan

Langkawi: Tun Dr Mahathir Mohamad bertegas mahu Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun, tampil memberi penjelasan berhubung langkah penyelesaian di luar mahkamah yang diambil dalam kes saman oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, terhadap dirinya kepada awam.

Bekas Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Langkawi itu, berkata penjelasan Idrus hanya melalui surat kepadanya tidak dapat mengelak kegusaran awam mengenai perkara itu.

"Ya, saya terima surat daripada dia (Idrus Harun). Biasanya (isi kandungan) surat itu rahsia. Saya tak boleh cakap, sepatutnya dia beritahu kepada orang ramai.

"Saya tak terima dia punya penjelasan. Baik Peguam Negara sekarang, Apandi pun saya tak terima," katanya pada sidang media selepas Majlis Perasmian Hotel Mercure, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir menegaskan, sepatutnya kes saman Apandi dibawa ke mahkamah bagi membolehkan masyarakat awam menilai pihak mana yang bersalah.

"Sepatutnya pergi ke mahka-



Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pada Majlis Perasmian Hotel Mercure, di Pantai Chenang, Langkawi, semalam.

(Foto Hamzah osman/BH)

mah, tengok betul ke tidak tu-duhan kononnya kita buang secara tidak mengikut undang-undang atau pun peraturan.

"Sebab sebelum ini kita kerap kali buang pegawai (kerajaan) yang tidak jalankan tugas dengan baik, kita memang keluaran daripada kerajaan," katanya.

Beliau berkata, antara tinda-

kan yang pernah diambil termasuk memberi cuti dan menempatkan pegawai secara sementara di jabatan lain sebelum menamatkan perkhidmatannya.

"Tindakan seperti itu bukan baharu dan bukan untuk Apandi sahaja. Malah ada orang lain pun kena, tetapi orang lain tak ada buat tuntutan.

"Malah, kita nampak dia berat

sebelah sebagai Peguam Negara. Sepatutnya dia tak boleh memihak kepada mana-mana pihak," katanya.

Dr Mahathir menegaskan pendiriannya bahawa kerajaan tidak sepatutnya membayar pampasan kepada bekas Peguam Negara itu, kerana tindakan dikenakan terhadapnya mengikut peraturan ditetapkan.